KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2027: RM10.882 BILION UNTUK MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KUALA LUMPUR - Pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas peruntukan sebanyak RM10.882 bilion kepada KKR dalam Belanjawan 2027 yang dibentangkan semalam. Peruntukan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh infrastruktur negara, meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan memperluas manfaat pembangunan kepada rakyat.

2. Bertemakan “Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi”, Belanjawan 2027 mengangkat aspirasi kemajuan negara dengan berpaksikan keperluan rakyat. Bagi KKR, aspirasi ini diterjemahkan melalui pembangunan infrastruktur yang menghubungkan masyarakat dengan peluang pekerjaan, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan kegiatan ekonomi.

3. Peruntukan KKR meningkat 1.78 peratus berbanding RM10.692 bilion pada tahun 2026, merangkumi RM1.146 bilion bagi Belanja Mengurus dan RM9.736 bilion bagi Belanja Pembangunan. Dukungan ini memperkukuh keupayaan kementerian untuk meneruskan pembangunan infrastruktur serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

4. Daripada peruntukan pembangunan tersebut, RM1.38 bilion diperuntukkan bagi Lebuhraya Pan Borneo. KKR menghargai komitmen berterusan Kerajaan terhadap pelaksanaan projek ini yang penting untuk memperkukuh jaringan perhubungan, memudahkan pergerakan rakyat dan menyokong pertumbuhan ekonomi setempat.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya
Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101
Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

5. KKR juga merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas peningkatan peruntukan bagi memperkasa kontraktor kecil Bumiputera Gred G1 hingga G4 kepada RM7.5 bilion dalam Belanjawan 2027, berbanding RM4 bilion pada 2026, iaitu peningkatan 87.5 peratus. Hampir RM800 juta turut disediakan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan, termasuk RM350 juta untuk kontraktor di Sabah dan Sarawak, sekali gus memperluas peluang ekonomi serta meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

6. Pembangunan jalan raya dan jambatan turut diberikan perhatian melalui peruntukan sebanyak RM801.46 juta bagi Sabah dan RM565.30 juta bagi Sarawak, di bawah butiran pembangunan jalan raya dan jambatan negeri masing-masing. Peruntukan ini menyokong usaha memperluas akses, meningkatkan kualiti infrastruktur dan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

7. KKR turut menyambut baik peningkatan Peruntukan Khas Jurutera Daerah Seluruh Malaysia kepada RM40 juta, berbanding RM30 juta pada tahun 2026. Peningkatan ini memperkukuh keupayaan pelaksanaan di peringkat daerah agar keperluan setempat dapat diberikan perhatian dengan lebih berkesan.1`671

8. KKR akan memastikan setiap peruntukan diterjemahkan kepada hasil yang dapat dirasai rakyat melalui pelaksanaan projek yang berkualiti, pemantauan kemajuan yang rapi serta pengurusan kewangan yang berintegriti. Keutamaan kementerian ialah memastikan infrastruktur yang dibangunkan selamat digunakan, memenuhi keperluan masyarakat dan memberikan nilai terbaik kepada negara.

9. Sekali lagi, saya merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas kepercayaan dan dukungan kepada KKR. Amanah ini akan digalas dengan penuh tanggungjawab demi merealisasikan pembangunan infrastruktur yang lebih inklusif, mampan dan berimpak tinggi untuk kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

#Tamat#

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
10 OKTOBER 2027

#Belanjawan2027
#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya
Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101
Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA